




eISSN 2716-6813

9 772716 681002

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 7 | 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 7 | 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022.

DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini.

Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan

https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 28 Julai 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

KANDUNGAN

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	
08	SOROTAN PENTING	
09	BAROMETER EKONOMI	
10	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
13	RENCANA	35
23	SNAPSHOT	39
24	PERTANIAN	42
29	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	46
31	PERKHIDMATAN	49
		63
		64
	SEKTOR LUARAN	
	SENARIO BURUH	
	HARGA	
	WAY FORWARD	
	INDIKATOR EKONOMI	
	AHLI MESR	
	PENGHARGAAN	

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berbesar hati mengalu-alukan pengguna dan pembaca ke Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri ketujuh bagi tahun 2022. Penerbitan ini membentangkan senario ekonomi terkini berdasarkan statistik rasmi makroekonomi yang diterbitkan oleh DOSM. Edisi ini memberi tumpuan kepada prestasi ekonomi bagi bulan Mei 2022 dengan beberapa statistik terkini bagi bulan Jun 2022. Selain itu, artikel bertajuk “**Pengukuran Indeks Produktiviti Buruh di Malaysia**” dipaparkan dalam keluaran ini, yang mengkaji pengukuran indeks produktiviti buruh yang dapat digunakan bagi memantau kecekapan dalam menjana kekayaan atau nilai ditambah.

Kebanyakan ekonomi di dunia sedang menuju pemulihan dan mula menunjukkan prestasi yang lebih kukuh dalam tempoh lima bulan pertama 2022 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Namun begitu, halangan ekonomi baru-baru ini - krisis geopolitik yang berterusan, dasar sifar COVID-19 di China, gangguan dalam rantaian bekalan, tekanan inflasi dan pengetatan dasar monetari telah melemahkan lagi usaha global ke arah pemulihan ekonomi. Cabaran ini seterusnya mendorong Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia menyemak dan menurunkan prospek pertumbuhan ekonomi global pada 2022 masing-masing kepada 3.2 peratus dan 2.9 peratus. Sebelum ini, IMF meramalkan ekonomi dunia berkembang sebanyak 4.4 peratus manakala Bank Dunia mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus.

Di sebalik risiko ini, prestasi ekonomi Malaysia masih utuh, dicerminkan oleh trajektori positif yang dicatatkan oleh beberapa petunjuk ekonomi utama pada Mei 2022 berbanding tahun sebelumnya. Pada Mei 2022, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat sederhana pada 4.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun lalu. Kenaikan IPP disokong oleh peningkatan indeks Pembuatan (6.9%) dan indeks Elektrik (2.8%). Sebaliknya, indeks Perlombongan jatuh 4.9 peratus. Sementara itu, jualan sektor pembuatan meneruskan pertumbuhan dua digit tahun ke tahun sebanyak 15.7 peratus dengan merekodkan RM142.0 bilion pada Mei 2022 (April 2022: 13.2%). Peningkatan ini didorong oleh Produk elektrik & elektronik (24.9%); Produk makanan, minuman & tembakau (20.4%); dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (7.7%).

Pada masa yang sama, sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diraikan secara meriah selepas dua tahun langkah sosial dan ekonomi yang ketat bagi membendung wabak COVID-19 dilaksanakan telah mendorong jualan Perdagangan Borong & Runcit melonjak 19.9 peratus tahun ke tahun kepada RM129.8 bilion pada Mei 2022. Pertumbuhan tersebut didorong oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat sebanyak RM13.0 bilion atau 29.9 peratus kepada RM56.3 bilion. Ini diikuti oleh Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor yang masing-masing meningkat 11.7 peratus kepada RM59.6 bilion dan 20.1 peratus kepada RM13.9 bilion. Sektor ini dijangka terus mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun berikutnya semua aktiviti ekonomi terus berkembang selepas pemansuhan semua sekatan yang dikenakan semasa pandemik.

Melihat kepada harga, harga makanan yang lebih mahal telah menyebabkan inflasi Malaysia naik lebih tinggi kepada 2.8 peratus pada Mei 2022 kepada 126.6 berbanding 123.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan inflasi keseluruhan adalah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.2%) yang merupakan kenaikan tertinggi sejak November 2011. Peningkatan harga ayam dan sayur-sayuran berlaku berikutan harga makanan ternakan dan baja yang lebih tinggi serta permintaan yang meningkat semasa musim perayaan pada Mei 2022. Kumpulan lain juga mencatatkan peningkatan kecuali Komunikasi yang kekal tidak berubah. Merujuk kepada bulan Jun 2022, inflasi Malaysia meningkat 3.4 peratus kepada 127.4 berbanding 123.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Seiring dengan ini, Indeks Harga Pengeluar Malaysia kekal tumbuh dua digit pada kadar 11.2 peratus tahun ke tahun pada Mei 2022 berbanding 11.0 peratus pada April 2022. Pertumbuhan tersebut dipacu terutamanya oleh kenaikan indeks Perlombongan (20.6%), Pertanian, perhutanan & perikanan (16.7%) dan Pembuatan (10.1%). Indeks Bekalan air meningkat 1.2 peratus manakala Bekalan elektrik & gas menurun 0.6 peratus. Namun, bagi bulan Jun 2022, Indeks Harga Pengeluar mencatatkan 10.9 peratus berbanding 11.2 peratus yang dicatatkan pada Mei 2022.

Peralihan kepada fasa endemik dan tindakan kerajaan yang berkesan dalam pemulihian ekonomi juga telah mempengaruhi prestasi jumlah perdagangan Malaysia pada Mei 2022. Jumlah perdagangan negara meningkat sebanyak 33.6 peratus kepada RM228.4 bilion daripada RM170.9 bilion pada Mei 2021. Ekspor meningkat 30.5 peratus kepada RM120.5 bilion manakala import meningkat 37.3 peratus kepada RM107.9 bilion. Memandangkan pertumbuhan import melebihi eksport, lebihan dagangan susut 8.3 peratus kepada RM12.6 bilion berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Dalam pada itu, jumlah dagangan Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan kukuh pada Jun 2022 dengan nilai RM270.4 bilion, seterusnya merekodkan pertumbuhan 43.4 peratus daripada RM188.5 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Di samping itu, situasi tenaga buruh kekal berdaya tahan pada bulan tersebut apabila bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 3.4 peratus (+529.2 ribu orang) kepada 15.90 juta orang (Mei 2021: 15.37 juta orang). Sehubungan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk bertambah baik sebanyak 1.4 mata peratus tahun ke tahun kepada 66.8 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran turun 0.6 mata peratus tahun ke tahun kepada 3.9 peratus (Mei 2021: 4.5%).

Pada masa yang sama, Indeks Pelopor (IP) pada Mei 2022 meningkat 2.2 peratus kepada 111.2 mata pada bulan rujukan selepas mencatatkan negatif 0.5 peratus pada April 2022, menunjukkan prestasi yang lebih baik dan menggalakkan dalam ekonomi Malaysia. Mengambil kira perkara ini, Malaysia optimis pemulihian ekonomi akan terus berdaya tahan dalam tempoh tujuh bulan akan datang tahun 2022, dengan pengurusan inflasi yang berkesan oleh kerajaan dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM turut menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.


Terima kasih.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN


Julai 2022

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA





*Nota: *Italic* menjelaskan lanjutan daripada pengumuman utama yang dibuat.



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA






SOROTAN PENTING

- *International Monetary Fund (IMF)* dan Bank Dunia masing-masing menjangkakan ekonomi global akan berkembang pada kadar 3.2 peratus dan 2.9 peratus pada 2022, lebih rendah berbanding unjuran yang terdahulu tahun ini. Semakan semula tersebut berikutan impak negatif pandemik yang berpanjangan dan konflik antara Ukraine dan Russia yang menyumbang kepada gangguan rantaian bekalan di peringkat global dan seterusnya menyumbang kepada kenaikan inflasi.
- Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 25.2 peratus kepada 21,073 tan metrik pada Mei 2022 daripada 28,164 tan metrik pada bulan yang sama 2021. Bagi perbandingan bulanan, pengeluaran getah aslierosot 6.3 peratus berbanding 22,498 tan metrik pada April 2022. Pengeluaran buah tandan segar menurun secara marginal 0.2 peratus kepada 7,967,345 tan metrik pada Jun 2022 berbanding bulan yang sama pada 2021 (7,980,011 tan metrik). Sementara itu, perbandingan bulan ke bulan menunjukkan peningkatan 6.8 peratus berbanding Mei 2022 (7,457,943 tan metrik).
- Pada Mei 2022, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 4.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan IPP disokong oleh kenaikan indeks Pembuatan (6.9%) dan indeks Elektrik (2.8%). Indeks Perlombongan, sebaliknya menyusut sebanyak 4.9 peratus.
- Seiring dengan itu, jualan sektor Pembuatan meneruskan pertumbuhan dua digit dengan 15.7 peratus bagi merekodkan RM142.0 bilion pada Mei 2022 (April 2022: 13.2%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan nilai jualan didorong oleh Produk Elektrik & Elektronik (24.9%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.4%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (7.7%).
- Demikian juga, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit melonjak 19.9 peratus tahun ke tahun kepada RM129.8 bilion pada Mei 2022. Pertumbuhan itu didorong oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat RM13.0 bilion atau 29.9 peratus kepada RM56.3 bilion. Ini diikuti oleh Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor yang mana masing-masing bertumbuh 11.7 peratus kepada RM59.6 bilion dan 20.1 peratus kepada RM13.9 bilion.
- Melihat kepada perspektif harga, inflasi negara pada Mei 2022 meningkat kepada 2.8 peratus kepada 126.6 berbanding 123.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan inflasi adalah disumbangkan terutamanya oleh kenaikan kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.2%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, peningkatan tertinggi sejak November 2011. Kumpulan utama lain juga mencatatkan peningkatan kecuali Komunikasi yang kekal tidak berubah.
- Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar Malaysia mengekalkan pertumbuhan dua digit pada kadar 11.2 peratus tahun ke tahun pada Mei 2022 berbanding 11.0 peratus pada April 2022. Pertumbuhan itu dipacu terutamanya oleh kenaikan indeks Perlombongan (20.6%), Pertanian, perhutanan & perikanan (16.7%) dan Pembuatan (10.1%). Indeks Bekalan air meningkat 1.2 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas menurun 0.6 peratus. Walau bagaimanapun, Indeks Harga Pengeluar Jun 2022 merekodkan peningkatan 10.9 peratus berbanding 11.2 peratus yang dicatatkan pada Mei 2022.
- Jumlah perdagangan Malaysia pada Mei 2022 meningkat 33.6 peratus kepada RM228.4 bilion daripada RM170.9 bilion pada Mei 2021. Eksport meningkat 30.5 peratus kepada RM120.5 bilion manakala import meningkat 37.3 peratus kepada RM107.9 bilion. Memandangkan pretasi import mengatasi eksport, lebihan dagangan menyusut 8.3 peratus kepada RM12.6 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Dalam pada itu, jumlah dagangan Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan kukuh pada Jun 2022 dengan nilai RM270.4 bilion, merekodkan pertumbuhan 43.4 peratus daripada RM188.5 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.
- Pada Mei 2022, pasaran buruh menunjukkan bilangan penduduk bekerja meningkat 3.4 peratus (+529.2 ribu orang) kepada 15.90 juta orang (Mei 2021: 15.37 juta orang). Kesannya, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 1.4 mata peratus, tahun ke tahun kepada 66.8 peratus,. Berikut itu, kadar pengangguran susut 0.6 mata peratus, tahun ke tahun kepada 3.9 peratus (Mei 2021: 4.5%).
- Merujuk kepada Indeks Pelopor (IP) pada Mei 2022, ekonomi Malaysia dijangka akan berada pada landasan pemulihan ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang berikutan pengurusan inflasi yang berkesan melalui pelaksanaan dasar monetari yang lebih ketat. IP meningkat kepada 111.2 mata pada bulan rujukan untuk mencatat pertumbuhan 2.2 peratus tahun ke tahun selepas mencatatkan negatif 0.5 peratus pada April 2022.

Indeks Pelopor

111.2
MEI 2022



Pengeluaran Buah Tandan Segar

-0.2%
JUN 2022




Pengeluaran Getah Asli

-25.2%
MEI 2022




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

4.1%
MEI 2022




Nilai Jualan Sektor Pembuatan

15.7%
MEI 2022



Indeks Volum

Perdagangan Borong & Runcit
14.7%
MEI 2022



Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

19.9%
MEI 2022




Eksport

38.8%
JUN 2022




Import

49.3%
JUN 2022



Kadar Pengangguran

3.9%
MEI 2022



Indeks Harga Pengguna (IHP)

3.4%
JUN 2022



Indeks Harga Pengeluaran Tempatan (IHPR) Pengeluaran Tempatan

10.9%
JUN 2022



Ekonomi Dunia

International Monetary Fund (IMF) menjangkakan ekonomi dunia akan menghadapi kemelesetan pada tahun 2023. Agensi tersebut menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi globalnya kepada 3.2 peratus pada tahun 2022, 0.4 mata peratus lebih rendah berbanding yang dinyatakan pada April 2022 *World Economic Outlook*.

Sementara itu, *World Bank* menerusi laporannya, *Global Economic Prospects* yang diterbitkan pada Jun 2022 menjangkakan ekonomi dunia menyederhana daripada 5.7 peratus pada tahun 2021 kepada 2.9 peratus pada tahun 2022. Pertumbuhan ini lebih rendah daripada unjuran 4.1 peratus yang diramalkan pada Januari 2022 berikutan beberapa faktor seperti krisis di Ukraine dan perintah kawalan pergerakan di China. Situasi ini telah menyebabkan gangguan rantaian bekalan global dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan inflasi.

Pertumbuhan ekonomi negara maju juga diunjurkan menurun secara mendadak daripada 5.1 peratus pada tahun 2021 kepada 2.6 peratus pada tahun ini, 1.2 mata peratus di bawah unjuran pada Januari 2022. Prestasi ekonomi negara maju turut dijangka tumbuh lebih sederhana kepada 2.2 peratus pada 2023, berikutan pelonggaran dasar fiskal dan sokongan monetari yang disalurkan semasa pandemik. Melihat kepada persekitaran ekonomi terkini, China dan Russia jatuh pada suku kedua tahun ini dan seterusnya meningkatkan risiko bagi tahun hadapan. Selain itu, inflasi global, kenaikan kadar faedah, pertumbuhan ekonomi China yang perlahan dan peningkatan sekatan perang Russia di Ukraine turut mempengaruhi kelembapan ekonomi.

Dari sudut inflasi, risiko stagflasi akan memberi kesan buruk terhadap ekonomi berpendapatan sederhana dan rendah. Disebabkan oleh pandemik dan perperangan, tahap pendapatan per kapita bagi ekonomi membangun tahun ini dijangka berada sekitar 5 peratus di bawah paras pra-pandemik. Ramalan ekonomi global akan menjadi lebih mencabar berikutan kawalan kewangan jangka panjang yang lebih ketat, namun ia adalah langkah penting untuk segera membendung peningkatan dalam harga komoditi.

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia menunjukkan momentum pemulihan dengan mencatatkan pertumbuhan 3.1 peratus pada tahun 2021 berbanding penurunan 5.5 peratus pada tahun sebelumnya. Kesan pemulihan ini dilihat pada prestasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2021 peringkat negeri, di mana semua negeri menunjukkan prestasi memberangsangkan berbanding penurunan pada tahun 2020. Lima negeri mengatasi pertumbuhan nasional, didahului oleh Pulau Pinang dengan kenaikan 6.8 peratus, diikuti Selangor dengan 5.0 peratus, Terengganu 3.6 peratus, Perak 3.5 peratus dan Kedah meningkat 3.2 peratus.

Sektor Perkhidmatan pulih 1.9 peratus pada 2021 selepas merosot 5.4 peratus pada tahun sebelumnya, dengan menyumbang 57.0 peratus kepada ekonomi Malaysia. Prestasi ini dipacu oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan. W.P. Kuala Lumpur dan Selangor terus menjadi penyumbang utama segmen ini dengan masing-masing bertumbuh 1.6 peratus (2020: -5.8%) dan 2.2 peratus (2020: -6.6%).

Selain itu, sektor Pembuatan yang merangkumi 24.3 peratus kepada KDNK Malaysia berkembang 9.5 peratus berbanding penyusutan 2.7 peratus pada 2020. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan yang kukuh terutamanya bagi subsektor produk elektrikal, elektronik dan optikal pada 14.6 peratus (2020: 2.6%) dan produk petroleum, kimia, getah dan plastik iaitu 12.9 peratus (2020: -1.0%). Peningkatan permintaan bagi cip semikonduktor dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah mendorong pertumbuhan dua digit, terutamanya di Selangor (13.1%) dan Pulau Pinang (12.4%).

Sektor Perlombongan & pengkuarian meningkat marginal 0.3 peratus disumbang oleh subsektor gas asli terutamanya di Sabah. Subsektor ini berkembang 6.6 peratus berbanding penurunan 9.4 peratus pada tahun 2020.

Sementara itu, sektor Pertanian mencatatkan penguncutan yang lebih kecil iaitu 0.2 peratus, berbanding penurunan 2.4 peratus pada tahun 2020. Penyusutan ini dipengaruhi oleh penurunan di Perlis (-6.0%), Terengganu (-5.3%), Sarawak (-3.2%), Sabah (-2.4%), Negeri Sembilan (-0.4%) dan Pahang (-0.1%).

Sektor Pembinaan menguncup 5.2 peratus (2020: -19.3%) dipengaruhi oleh penurunan bagi hampir kesemua subsektor kecuali aktiviti pembinaan pertukangan khas. Prestasi ini didorong oleh Selangor (-6.6%, 2020: -9.7%), W.P. Kuala Lumpur (-12.1%, 2020: -26.4%) dan Sarawak (10.2%, 2020: -8.8%).

Carta 1: Pertumbuhan Ekonomi mengikut Negeri dan Aktiviti Ekonomi, 2021

Negeri	Pertanian	Perlombongan & Pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan	KDNK 2021	KDNK 2020
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.4	12.9	2.1	6.8	-2.1
Selangor	4.9	-3.0	13.1	-6.6	2.2	5.0	-5.2
Terengganu	-5.3	3.5	9.5	2.5	1.2	3.6	-5.7
Perak	3.1	-3.4	9.2	-6.7	2.4	3.5	-2.4
Kedah	2.6	-4.5	6.2	-8.4	1.9	3.2	-1.8
MALAYSIA	-0.2	0.3	9.5	-5.2	1.9	3.1	-5.5
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	7.2	-0.3	2.0	3.0	-3.6
Sarawak	-3.2	-3.3	11.2	10.2	2.1	2.9	-6.8
Johor	0.6	-7.5	5.5	-18.0	2.6	2.4	-4.7
Kelantan	1.0	5.1	2.1	1.2	2.7	2.4	-1.2
Melaka	-0.6	-4.4	3.3	-9.5	2.3	2.0	-5.9
Perlis	-6.0	-2.3	5.4	0.2	2.3	1.5	-6.0
Sabah	-2.4	2.4	-1.8	7.9	1.8	1.1	-9.2
Pahang	-0.1	-13.5	6.1	18.5	-1.4	0.9	-6.1
W.P. Kuala Lumpur*	-0.5	-3.1	4.3	-12.1	1.6	0.8	-7.4
W.P. Labuan	1.3	-	-1.0	-11.8	1.5	0.5	-0.4
SUPRA	-	2.2	-	-	-	2.2	-11.0

*Termasuk W.P Putrajaya

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Merujuk kepada senario ekonomi semasa, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 4.1 peratus pada Mei 2022 berbanding tahun sebelumnya. Pengembangan ini didorong oleh sektor Pembuatan dan Elektrik dengan masing-masing merekodkan 6.9 peratus dan 2.8 peratus. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan menyusut 4.9 peratus berbanding bulan yang sama tahun 2020. Dari segi nilai jualan, sektor Pembuatan merekodkan RM142.0 bilion, meningkat 15.7 peratus berbanding tahun sebelumnya.


Sementara itu, nilai jualan Perdagangan Borong dan Runcit mencatatkan RM129.8 bilion pada Mei 2022, dengan merekodkan pertumbuhan dua digit sebanyak 19.9 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan kukuh ini disumbangkan oleh semua subsektor, iaitu Perdagangan Runcit 29.9 peratus, Kenderaan Bermotor 20.1 peratus dan Perdagangan Borong 11.7 peratus. Dari segi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 14.7 peratus tahun ke tahun dengan merekodkan 141.8 mata indeks.

Jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan prestasi kukuh pada Jun 2022, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 43.4 peratus bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Eksport dan import masing-masing mencapai nilai tertinggi baru sebanyak RM146.2 bilion dan RM124.2 bilion. Dari segi pertumbuhan, eksport berkembang 38.8 peratus manakala import melonjak 49.3 peratus.

Selain itu, inflasi Malaysia meningkat 3.4 peratus kepada 127.4 pada Jun 2022, terutamanya dipengaruhi oleh Indeks Makanan yang meningkat 6.1 peratus. Sementara itu, inflasi keseluruhan meningkat 3.4 peratus dipengaruhi oleh pertumbuhan positif dalam kumpulan lain kecuali Komunikasi. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar Malaysia mencatatkan 10.9 peratus pada Jun 2022 berbanding 11.2 peratus yang direkodkan pada Mei 2022 disumbangkan oleh pertumbuhan dalam hampir semua sektor kecuali sektor utiliti.

PERSPEKTIF KESELURUHAN

**Carta 2: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu),
Januari 1991 - Mei 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pelopor (IP) menunjukkan prestasi yang lebih baik pada Mei 2022, menandakan prospek ekonomi akan terus berkembang secara positif pada bulan-bulan akan datang. IP meningkat kepada 111.2 mata pada bulan rujukan untuk mencatat pertumbuhan 2.2 peratus tahun ke tahun selepas mencatatkan negatif 0.5 peratus pada April 2022. Pada Mei 2022, IP mencatatkan kenaikan bulan ke bulan sebanyak 0.4 peratus. Melangkah ke hadapan, pengurusan inflasi yang berkesan oleh Kerajaan adalah penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

PENGUKURAN INDEKS PRODUKTIVITI BURUH DI MALAYSIA

Norazizah Ibrahim Wong¹, Nor Hanizah Abu Hanit¹, Nur Ilhanni Roslan¹, Sabrina Zulkifli¹, Wan Roslida Othman², Rabi'atul'adawiah Shabli³, Jamaliah Jaafar¹

¹ Biro Statistik Buruh Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM),

² Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,

³ Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

PENGENALAN

Produktiviti buruh merupakan faktor utama dalam sesebuah ekonomi. Emsina (2014) menyatakan bahawa produktiviti buruh bergantung kepada ketersediaan dan kualiti sumber buruh dan teknologi gunaan. Oleh itu, produktiviti buruh sangat mempengaruhi proses pengeluaran dan kos pengeluaran. Menurut *International Labour Organization* (ILO) (2020), produktiviti buruh ialah petunjuk ekonomi yang penting dan berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi, daya saing dan taraf hidup dalam sesebuah ekonomi.

Produktiviti buruh biasanya dikaitkan dengan kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Menurut Biro Statistik Buruh (BLS, USA), takrifan konvensional produktiviti buruh yang merupakan pengukuran output per jam mula diterbitkan pada tahun 1959. Produktiviti juga biasanya ditakrifkan sebagai nisbah ukuran volum output kepada ukuran volum penggunaan input (*Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD), 2020).

Berdasarkan takrifan ini, bermakna produktiviti buruh merupakan asas yang diperlukan bagi menganalisis prestasi ekonomi sesebuah organisasi. Terutamanya dalam dunia yang kompetitif hari ini, produktiviti buruh dianggap sebagai petunjuk kepada pertumbuhan ekonomi negara. Telah dibahaskan bahawa lebih banyak dana akan terhasil dengan peningkatan produktiviti dan hasil negara, yang mana akan mendorong kepada penyediaan perkhidmatan yang berkualiti sekaligus meningkatkan taraf hidup (Bureš dan Stropková, 2014; Vrat et al., 1998). Malaysia sebagai sebuah negara membangun berhasrat untuk mencapai produktiviti buruh yang tinggi dalam proses pengeluaran seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan Rancangan Malaysia Ke-12.

Justeru, adalah penting untuk memahami bahawa terdapat pelbagai kaedah dalam mengukur produktiviti. Kaedah ini boleh dikelaskan kepada Produktiviti Faktor Tunggal dan Produktiviti Pelbagai Faktor. Pada masa ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menggunakan kaedah Produktiviti Faktor Tunggal untuk menerbitkan produktiviti buruh suku tahunan per jam bekerja dan produktiviti buruh per pekerja mengikut aktiviti ekonomi, iaitu pada nilai dan perubahan peratusan tahunan.

Nombor indeks adalah satu teknik mengukur perubahan bagi satu pemboleh ubah atau beberapa pemboleh ubah dengan merujuk kepada masa, lokasi geografi, atau ciri-ciri lain. Berdasarkan ciri-ciri ini, ia sesuai untuk diaplikasikan kepada produktiviti buruh kerana pengiraan bagi barang dan perkhidmatan adalah dikategorikan sebagai bersifat heterogen. OECD (2001) menyebut bahawa pada asalnya produktiviti diukur sebagai indeks kuantiti output kepada indeks kuantiti input. Justeru, indeks produktiviti buruh adalah kaedah untuk menggambarkan kecekapan input buruh yang digunakan untuk menjana output benar. Negara maju seperti USA dan United Kingdom telah menggunakan indeks produktiviti buruh.

Indeks produktiviti buruh (IPB) adalah satu petunjuk ekonomi penting. Ia memaparkan tahap keberkesanan input buruh digunakan untuk menghasilkan output sebenar dan sangat membantu bagi menganalisis bagaimana perubahan produktiviti buruh mempengaruhi pelbagai industri yang berbeza dan ekonomi secara keseluruhannya. Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan pengukuran indeks produktiviti buruh dalam memantau kecekapan bertujuan untuk mencipta kekayaan atau nilai ditambah. Mulai suku pertama 2022, indeks produktiviti buruh telah dimasukkan sebagai komponen baharu kepada penerbitan produktiviti buruh Malaysia suku tahunan.

SOROTAN KAJIAN

Indeks adalah perkataan biasa dalam kajian ekonomi yang memberikan banyak manfaat dalam kalangan ahli matematik dan ahli ekonomi. Ini bermakna, nombor indeks memainkan peranan penting dalam setiap kajian empirikal ekonomi. Contoh yang baik adalah seperti yang diberikan dalam mengukur produktiviti buruh. Produktiviti buruh dihitung untuk mengenal pasti pertumbuhan yang merupakan dimensi utama pengukuran prestasi ekonomi yang turut merupakan pemacu penting dalam mengukur perubahan taraf hidup (OECD, 2020). Menurut Lannelongue et al. (2017), terdapat beberapa pendekatan dalam membangunkan produktiviti buruh antaranya yang ditakrifkan sebagai nisbah jumlah keluaran kepada input operasi, yang juga merujuk kepada kecekapan buruh dalam menghasilkan barang atau perkhidmatan. Adalah difahamkan bahawa dengan ketersediaan indeks produktiviti buruh dapat membantu sebuah organisasi membezakan produktiviti buruh dengan mudah.

Tambahan pula, fakta penting penyediaan indeks dalam konteks produktiviti buruh seperti yang dinyatakan oleh OECD (2001) ialah disebabkan ciri-ciri barang dan perkhidmatan yang heterogen, iaitu pengiraan bagi komoditi yang berbeza atau berlainan adalah tidak semudah dengan mencampurkan nilai-nilai tersebut. Dengan ini, disebabkan sifatnya yang sedemikian, terdapat empat kaedah pengiraan indeks yang sering digunakan iaitu Paasche, Laspeyres, Fisher dan Tornqvist (Diewert and Nakamura, 2003). Masud (1985) dalam kajiannya menyatakan bahawa data siri masa telah dianalisis untuk menganggarkan faktor produktiviti dan di dalam penyelidikannya, indeks produktiviti buruh telah digunakan untuk menganggar bilangan buruh yang diperlukan pada masa hadapan. Namun, pada masa kini aplikasi indeks produktiviti buruh telah ditambah baik kepada pemakaian indeks kuantitatif menggunakan sistem *just-in-time* (JIT) (berkaitan dengan industri pembuatan) yang digunakan untuk meningkatkan prestasi pembuatan seperti yang dinyatakan oleh Chen (2008).

Tidak diragukan lagi bahawa indeks produktiviti buruh penting serta memberikan kelebihan apabila digunakan. Pemahaman tentang indeks produktiviti buruh memainkan peranan penting bagi memahami topik utama kajian ini iaitu mengukur indeks produktiviti buruh di Malaysia.

DATA DAN METODOLOGI

Sumber data yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, menggunakan statistik produktiviti buruh yang diterbitkan dari suku pertama 2015 hingga suku keempat 2021, dan dari tahun 2015 hingga 2021.

Produktiviti buruh boleh diukur melalui dua kaedah iaitu Produktiviti Faktor Tunggal (SFP) dan Produktiviti Pelbagai Faktor (MFP). SFP adalah sinonim dengan ukuran produktiviti separa yang mengaitkan output kepada satu jenis input tertentu. Kebiasaannya, produktiviti separa diukur untuk produktiviti buruh dan produktiviti modal. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada penyusunan indeks produktiviti buruh di Malaysia. Produktiviti buruh dikira sebagai nisbah output kepada input buruh.

$$\text{Produktiviti Buruh} = \text{Output} / \text{Input Buruh}$$

a. Output

Output merujuk kepada kuantiti barang dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam tempoh tertentu, seperti suku tahun atau setahun. Output boleh ditakrifkan sama ada sebagai keluaran kasar atau nilai ditambah. Dalam kes penyusunan di Malaysia, output yang digunakan ialah nilai ditambah pada harga malar ($2015=100$) mengikut aktiviti ekonomi. Statistik tersebut diperoleh daripada Bahagian Perangkaan Akaun Negara, DOSM pada setiap suku tahun dan tahunan mulai 2015 dan seterusnya.

b. Input buruh

Input buruh ialah sumber yang digunakan atau dibelanjakan untuk mencipta dan menghasilkan barang dan perkhidmatan. Terdapat dua pemboleh ubah untuk input buruh iaitu jumlah jam bekerja dan pekerja. Pekerja adalah input buruh yang paling biasa digunakan oleh sesebuah negara sebagai permulaan untuk penyusunan produktiviti buruh. Walau bagaimanapun, input buruh yang paling sesuai untuk mengukur produktiviti buruh ialah jumlah jam bekerja. Ia memberikan gambaran yang lebih baik tentang produktiviti buruh dalam ekonomi berbanding produktiviti buruh mengikut pekerja, kerana ia menghapuskan perbezaan dalam komposisi pekerja sepenuh masa dan separuh masa.

c. Jumlah jam bekerja

Jumlah jam bekerja diperoleh dengan mendarabkan purata jam bekerja dengan pekerja.

$$\text{Jumlah jam bekerja} = \text{Purata jam bekerja} \times \text{Pekerja}$$

Purata jam bekerja ditakrifkan sebagai jumlah jam bekerja dibahagikan dengan bilangan pekerja. Guna Tenaga merujuk kepada bilangan keseluruhan pekerja pada akhir tempoh rujukan tidak termasuk mereka yang tidak bekerja pada tempoh rujukan kerana sakit, kecederaan, hilang upaya, cuaca buruk, cuti, pertikaian buruh dan sosial/agama. Jumlah jam bekerja untuk semua pekerja dalam tempoh rujukan ialah jumlah atau agregat jam bekerja yang sebenarnya digunakan dalam suatu tempoh suku tahunan, iaitu hasil darab bilangan keseluruhan pekerja dengan purata jam bekerja seminggu darab 13 minggu. Maklumat purata jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh.

d. Pekerja

Anggaran pekerja adalah berdasarkan kepada menentukur data bersumberkan pendekatan isi rumah dan pertubuhan. Data bersumberkan pendekatan isi rumah diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh manakala Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan, Survei Pembuatan Bulanan dan Perkhidmatan Suku Tahunan adalah bersumberkan pendekatan pertubuhan. Data pentadbiran bersumberkan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga digunakan sebagai petunjuk untuk menganggar bilangan pekerja dalam tempoh tersebut.

e. Produktiviti buruh

Produktiviti buruh mengukur prestasi ekonomi yang membandingkan jumlah output yang dihasilkan dengan jumlah buruh yang digunakan untuk menghasilkan output tersebut. Ia dikira dengan membahagikan nilai ditambah benar dengan jumlah jam bekerja/ pekerja.

Terdapat dua keadaan di mana produktiviti buruh akan meningkat iaitu apabila lebih banyak output dihasilkan tanpa menambah input atau output yang sama dihasilkan dengan input yang kurang. Sementara itu, produktiviti buruh menurun apabila output dihasilkan berkurangan tanpa berlaku pengurangan pada input atau penambahan lebih input menyebabkan output kekal dan tidak meningkat.

Produktiviti buruh boleh meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan faktor kemahiran tenaga kerja, penggunaan teknologi, peningkatan automasi atau amalan pengurusan yang lebih baik.

Penyusunan indeks produktiviti buruh dalam kajian ini melibatkan tiga metodologi iaitu nombor indeks wajaran, nombor indeks mudah dan indeks nilai (**Paparan 1a**).

Paparan 1a: Kaedah Pengiraan Indeks Produktiviti Buruh

Nombor indeks berwajaran

Nombor indeks berwajaran adalah nombor indeks di mana wajaran bagi setiap item komponen adalah mengikut sistem pemberat yang menggambarkan kepentingan relatif item tersebut.

- Wajaran $W_{Xab} = \frac{X_{ab}}{X_b}$
- Indeks output $Oi_{b,t} = \frac{\sum W_{Xab} Oi_{ab,t}}{\sum W_{Xab}}$
- Indeks input $Li_{b,t} = \frac{\sum W_{Yab} Li_{ab,t}}{\sum W_{Yab}}$
- Indeks produktiviti buruh $LPI_{ab,t} = \frac{Oi_{ab,t}}{Li_{ab,t}} \times 100$

di mana:
W wajaran
Oi indeks output
Li indeks input
LPI indeks produktiviti buruh
X pembolehubah
a sub kumpulan
b kumpulan
t tahun semasa

Nombor indeks mudah

Nombor indeks mudah adalah nombor indeks yang mengukur perubahan relatif pembolehubah tunggal tahun semasa dibandingkan dengan tahun asas.

- Indeks output $Oi_t = \frac{O_t}{O_0} \times 100$
- Indeks input $Li_t = \frac{L_t}{L_0} \times 100$
- Indeks produktiviti buruh $LPI_t = \frac{Oi_t}{Li_t}$ @ $LPI_t = \frac{O_t/O_0}{L_t/L_0} \times 100$

di mana:
LPI produktiviti buruh
O output
I input
i indeks
t tahun semasa
0 tahun asas

Nilai indeks

Nilai indeks adalah nombor indeks yang diperoleh daripada nisbah nilai agregat tahun semasa kepada nilai agregat tahun asas.

$$LPI_t = \frac{LP_t}{LP_0} \times 100$$

di mana:
LP produktiviti buruh
i indeks
t tahun semasa
0 tahun asas

Selepas beberapa kajian dan pemerhatian dibuat ke atas indeks produktiviti buruh yang diguna pakai oleh beberapa negara terpilih, formula nombor indeks mudah telah dipilih untuk digunakan dalam penyusunan indeks produktiviti buruh di Malaysia. Oleh itu, indeks produktiviti buruh dikira dengan membahagikan indeks output kepada indeks input buruh.

$$LPI = \frac{O_i}{L_i} \times 100$$

Di mana:

- LPI ialah indeks produktiviti buruh;
 O_i ialah indeks output; dan
 L_i ialah indeks input buruh.

a. Indeks output

Indeks output (O_i) dikira dengan membahagikan nilai ditambah benar setiap tahun dengan tahun asas.

$$O_i = \frac{O_a}{O_b} \times 100$$

Di mana:

- O_i ialah indeks nilai ditambah benar;
 O_a ialah nilai ditambah benar pada tahun semasa;
 O_b ialah nilai ditambah benar pada tahun asas ($2015=100$);
 a ialah tahun semasa; dan
 b ialah tahun asas ($2015=100$).

b. Indeks input buruh

Indeks input buruh (L_i) dikira dengan membahagikan pemboleh ubah input buruh iaitu jumlah jam bekerja atau pekerja dalam tahun semasa dengan tahun asas.

$$Li = \frac{La}{Lb} \times 100$$

Di mana;

- a) *Li* ialah indeks input buruh (jumlah jam bekerja/ pekerja);
- b) *La* ialah input buruh pada tahun semasa;
- c) *Lb* ialah input buruh pada tahun asas (2015=100);
- d) *a* ialah tahun semasa; dan
- e) *b* ialah tahun asas.

PENEMUAN

Penyusunan indeks produktiviti buruh dalam kajian ini melibatkan tiga metodologi. Penemuan menunjukkan bahawa ketiga-tiga metodologi menghasilkan keputusan yang sama untuk indeks, dan pengiraan bagi perubahan peratusan iaitu pertumbuhan menggunakan indeks mengesahkan statistik yang diterbitkan, iaitu pengiraan pertumbuhan menggunakan nilai.

Dengan menggunakan indeks yang diperoleh, produktiviti buruh tahunan per jam bekerja mencatatkan penurunan sebanyak 2.6 peratus pada 2021 selepas merekodkan peningkatan sebanyak 3.4 peratus pada 2020. Pada suku keempat 2021, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 1.3 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 0.8 peratus pada suku yang sama tahun sebelumnya. Indeks produktiviti buruh per jam bekerja untuk ST1 2015 - ST4 2021, dan 2015 - 2021 ditunjukkan dalam **Carta 1a**.

Carta 1a: Indeks Produktiviti Buruh per Jam Bekerja, 2015 - 2021 dan ST1 2015 - ST4 2021



Dari segi produktiviti buruh per pekerja, tahun 2021 mencatatkan pertumbuhan positif bagi produktiviti buruh tahunan sebanyak 1.8 peratus selepas mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 5.5 peratus pada tahun sebelumnya. Trend sama turut dipaparkan pada suku keempat 2021 dengan pertumbuhan sebanyak 1.7 peratus pada tahun tersebut, selepas mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 2.9 peratus pada suku keempat 2020. Indeks produktiviti buruh per pekerja bagi ST1 2015 - ST4 2021, dan 2015-2021 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1b**.

Carta 1b: Indeks Produktiviti Buruh bagi Setiap Pekerjaan, 2015 - 2021 dan ST1 2015 - ST4 2021



PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara amnya, produktiviti buruh merujuk kepada kecekapan dan keberkesanannya setiap pekerja menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira dengan menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia. Manakala, indeks produktiviti buruh (IPB) pula merupakan petunjuk untuk mengukur kecekapan input yang digunakan untuk menjana output dalam tempoh masa tertentu. Nombor indeks memberikan nilai ringkas yang memudahkan perbandingan dan pada kebiasaannya mengukur perubahan mengikut masa. Antara faktor yang mungkin mempengaruhi perubahan dalam IPB adalah termasuk perubahan dalam teknologi, struktur organisasi, amalan pengurusan dan modal.

Indikator IPB membolehkan pengguna data menilai tahap dan kadar pertumbuhan KDNK kepada input buruh dari semasa ke semasa, sekali gus memberikan maklumat umum tentang kecekapan dan kualiti modal insan semasa proses pengeluaran dalam konteks tertentu ekonomi dan sosial, termasuk input komplimentari dan inovasi lain yang digunakan dalam pengeluaran.

Beberapa negara seperti United Kingdom, USA, Canada dan New Zealand telah menggunakan indeks produktiviti buruh. Memandangkan Malaysia berhasrat untuk mencapai produktiviti buruh yang tinggi dalam proses pengeluaran, indeks produktiviti buruh ini harus digunakan secara meluas pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Bureš, V., & Stropková, A. (2014). Labour productivity and possibilities of its extension by knowledge management aspects. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 109, 1088-1093.
- Chen, C.C. (2008). An objective-oriented and product-line-based manufacturing performance measurement. *International Journal of Production Economics*, 112(1), 380–390.
- Cororaton, C. B., & Caparas, M. T. (1999). Total Factor Productivity: Estimates for Philippine Economy (No. 1999-06). *PIDS Discussion Paper Series*.
- Diewert, W. E. (2007). Index numbers. Vancouver, BC, Canada. *Department of Economics*, University of British Columbia.
- Diewert, W. E., & Nakamura, A. O. (2003). Index number concepts, measures and decompositions of productivity growth. *Journal of productivity Analysis*, 19(2), 127-159.
- Emsina, A. A. (2014). Labour productivity, economic growth and global competitiveness in post-crisis period. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 156, 317–321.
- Enshassi, A., Mohamed, S., Mustafa, Z. A., & Mayer, P. E. (2007). Factors affecting labour productivity in building projects in the Gaza Strip. *Journal of civil engineering and management*, 13(4), 245-254.
- Goel, V., Agrawal, R., & Sharma, V. (2017). Factors affecting labour productivity: an integrative synthesis and productivity modelling. *Global Business and Economics Review*, 19(3), 299-322.
- Hong Kong Monthly Digest of Statistics (2011). *Census and Statistics Department*. Hong Kong.
- Idris, J., & Rahmah, I. (2010). Impact of labour quality on labour productivity and economic growth. *African Journal of Business Management*, 4(4), 486-495.
- International Labour Organization (ILO) (2020). *Indicator description: Labour Productivity*. Retrieved from <https://ilo.org/topics/labour-productivity/>
- Lannelongue G., Gonzalez-Benito J., Quiroz I. (2017). Environmental management and labour productivity: The moderating role of capital intensity. *Journal of Environmental Management*, 190(1), 158–169.

Masud, A.M. (1985). Forecasting plant labor productivity with a time series model. *Computer and Industrial Engineering*, 9(1), 73–81.

OECD (2001). *Measuring Productivity, Measurement of Aggregate and Industry-Level Productivity Growth*.

Office for National Statistics (2020). *Labour and multi-factor productivity measures*, UK.

Office for National Statistics (2020). *Labour productivity QMI*, UK.

Pilat, D., & Schreyer, P. (2002). Measuring productivity. *OECD Economic studies*, 2001(2), 127-170.

Statistics Canada (2020). *Labour productivity measures – National (Quarterly) (LPM)*. Canada.

Statistics Canada (2020). *National labour productivity measures*. Canada.

Statistics Canada (2020). *Productivity measures*. Canada.

Statistics New Zealand (2020). *Productivity measures statistics 1978 – 2019 data dictionary (version 2)*. Canada.

Statistics New Zealand (2020). *Productivity statistics: Sources and methods (10th edition)*. New Zealand.

The United States Bureau of Labor Statistics (2020). *Multifactor productivity trends – 2019*, USA.

The United States Bureau of Labor Statistics (2020). *Productivity and costs, First quarter 2020, Preliminary*, USA.


Vrat, P., Sardana, G.D. and Sahay, B.S. (1998) Productivity Management: A Systems Approach, *Narosa Publishing House*, New Delhi, India.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 7/2022

SEKTOR LUARAN

Eksport

Import

PASARAN BURUH

Bilangan Penduduk Bekerja

Kadar Pengangguran

HARGA


Indeks Harga Pengguna (IHP)

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Jun 2022 meningkat 6.8 peratus kepada 7,967,345 tan metrik dari 7,457,943 tan metrik pada Mei 2022 (**Carta 3**). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penyusutan 0.2 peratus berbanding Jun 2021 (7,980,011 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Mei 2021 - Jun 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Pada masa yang sama, purata penghasilan buah tandan segar pada Jun 2022 meningkat kepada 1.27 tan metrik/ha berbanding Mei 2022 (1.20 tan metrik/ha) seperti ditunjukkan pada **Jadual 1**. Purata pengeluaran di Semenanjung Malaysia berkembang sebanyak 6.2 peratus kepada 1.38 tan metrik/ha (Mei 2022: 1.30 tan metrik/ha). Manakala di Sabah/Sarawak turut menokok 5.4 peratus kepada 1.17 tan metrik/ha (Mei 2022: 1.11 tan metrik/ha).

Jadual 1: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar mengikut Kawasan, Jun 2021 - Jun 2022 (Tan Metrik/ Ha)

Wilayah	2021								2022				
	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun
Malaysia	1.35	1.30	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26	1.10	0.99	1.18	1.17	1.20	1.27
Semenanjung Malaysia	1.41	1.42	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24	1.08	1.07	1.32	1.28	1.30	1.38
Sabah/ Sarawak	1.29	1.20	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27	1.11	0.93	1.06	1.07	1.11	1.17


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Begitu juga prestasi bulan ke bulan di sektor perkilangan turut menunjukkan peningkatan bagi Jun 2022. Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 5.8 peratus (Jun 2022: 1,545,129 tan metrik, Mei 2022: 1,461,032 tan metrik) dan 6.6 peratus (Jun 2022: 378,418 tan metrik, Mei 2022: 354,912 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung masing-masing turut meningkat sebanyak 10.9 peratus (Jun 2022: 175,731 tan metrik, Mei 2022: 158,408 tan metrik) dan 11.6 peratus (Jun 2022: 200,096 tan metrik, Mei 2022: 179,224 tan metrik).

Carta 4: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Mei 2021 - Jun 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Sebaliknya, eksport minyak sawit pada Jun 2022 menyusut 13.3 peratus kepada 1,193,861 tan metrik berbanding 1,376,416 tan metrik pada Mei 2022. India kekal sebagai negara pengimpor tertinggi iaitu sebanyak 171,081 tan metrik, menyumbang 14.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit diikuti China (8.1%), Türkiye (6.5%), Saudi Arabia (5.2%) dan Japan (4.9%).

Carta 5: Eksport Minyak Sawit, Mei 2021 - Jun 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Melihat kepada import produk berkaitan minyak sawit pada Jun 2022 bagi minyak sawit dan minyak isirung sawit masing-masing meningkat 2.5 peratus (Jun 2022: 59,195 tan metrik, Mei 2022: 57,763 tan metrik) dan 33.2 peratus (Jun 2022: 10,942 tan metrik, Mei 2022: 8,217 tan metrik). Sementara itu, import isirung kelapa sawit menurun ketara 59.5 peratus kepada 968 tan metrik dari 2,391 tan metrik pada bulan sebelumnya.

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Mei 2021 - Jun 2022




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli menurun 6.3 peratus pada Mei 2022 kepada 21,073 tan metrik berbanding 22,498 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Perbandingan tahunan turut menunjukkan penurunan 25.2 peratus berbanding 28,164 tan metrik pada bulan yang sama tahun lepas seperti pada **Carta 7**.

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2021 - Mei 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada Mei 2022, sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli dengan menyumbang 83.3 peratus (17,561 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet, 16.7 peratus (3,513 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di sektor kebun kecil menurun kepada 11.4 peratus manakala sektor estet meningkat 31.4 peratus.

Berdasarkan analisis perbandingan harga purata bulanan, Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu sebanyak 0.6 peratus (Mei 2022: 670.69 sen sekilogram, April 2022: 666.47 sen sekilogram) manakala bagi jenis Sekerap menurun 3.5 peratus (Mei 2022: 565.84 sen sekilogram, April 2022: 586.65 sen sekilogram). Pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 2.2 hingga 2.3 peratus dan meningkat 0.6 peratus pada Mei 2022. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapura/ Malaysia) masing-masing menurun 5.0 peratus (daripada USD1.70/kg kepada USD1.62/kg) dan 1.7 peratus (daripada USD2.09/kg kepada USD2.06/kg).


Carta 8: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Mei 2021, April 2022 dan Mei 2022



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun 2.8 peratus pada Mei 2022 dari 297,654 tan metrik pada April 2022 (**Carta 9**). Pada masa yang sama, penggunaan domestik juga menurun 12.7 peratus kepada 36,988 tan metrik berbanding April 2022 (42,348 tan metrik).

Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2021 - Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 43,197 tan metrik, berkurang 26.3 peratus berbanding April 2022 (58,596 tan metrik). China terus kekal mendominasi sebagai pengimpor tertinggi getah asli iaitu 44.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mei 2022 diikuti USA (12.4%), Türkiye (4.5%), Brazil (4.4%) dan Finland (3.7%).

Sarung tangan getah merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan nilai sebanyak RM1.6 bilion pada Mei 2022, menurun sebanyak 30.0 peratus berbanding April 2022 (RM2.2 bilion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah USA dengan nilai RM517.1 juta, China (RM117.8 juta) dan Germany (RM131.3 juta) seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 2**.

Jadual 2: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, April 2022 dan Mei 2022


Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	April 2022	Mei 2022	April 2022	Mei 2022
United States of America	22,658	15,073	687.3	517.1
China	6,430	5,742	127.6	117.8
Germany	4,623	4,469	133.9	131.3
Japan	3,282	3,225	108.6	111.2
Italy	2,936	2,357	67.7	53.7
Brazil	2,745	1,946	55.4	40.6
United Kingdom	2,060	1,757	57.4	49.4
Türkiye	3,805	1,530	72.0	30.0
Australia	2,430	1,437	70.9	45.3
Netherlands	1,756	1,411	50.1	40.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat pada 4.1 peratus pada Mei 2022 disokong oleh sektor Pembuatan dan Elektrik, masing-masing dengan peningkatan 6.9 peratus dan 2.8 peratus. Walau bagaimanapun, indeks Perlombongan jatuh 4.9 peratus terutamanya dalam segmen minyak mentah dan kondensat menyebabkan prestasi keseluruhan IPP perlahaan (**Carta 10**). Sektor pembuatan terus mengimbangi pertumbuhan IPI terutamanya didorong oleh perbelanjaan domestik yang semakin meningkat dan kenaikan permintaan luar negeri yang berterusan, khususnya bagi barang elektrik dan elektronik serta barang perkilangan lain.

Carta 10: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Mei 2021 - Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus pada Mei 2022. Output berorientasikan domestik dan eksport masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.7 peratus (April 2022: 6.9%) dan 6.1 peratus (April 2022: 5.8%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Tiga penyumbang terbesar kepada output berorientasikan domestik adalah pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler, 14.4 peratus (April 2022: 5.1%), pembuatan produk prosesan makanan, 11.4 peratus (April 2022: 10.3%) dan pembuatan logam asas, 7.9 peratus (April 2022: 6.8%). Sementara itu, pertumbuhan industri berdasarkan eksport adalah disumbangkan oleh pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 18.7 peratus (April 2022: 16.6%), diikuti oleh pembuatan kelengkapan elektrik, 8.9 peratus (April 2022: 10.8%) dan pembuatan kimia & produk kimia, 5.8 peratus (April 2022: 9.9%).

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif pada Mei 2022 seperti Singapore, 13.8 peratus (April 2022: 6.4%), Republic of Korea, 7.3 peratus (April 2022: 3.5%), United States of America (USA), 5.8 peratus (April 2022: 6.3%) dan China, 0.7 peratus (April 2022: -2.9%). Sebaliknya, Japan merekodkan penyusutan 2.8 peratus (April 2022: -4.8%).

Output sektor Perlombongan merosot 4.9 peratus pada bulan Mei 2022 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyusutan tersebut dipengaruhi oleh kejatuhan 6.7 peratus dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat dan kemerosotan 3.6 peratus dalam indeks Gas Asli.


INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Mei 2022 berjumlah RM142.0 bilion, berkembang 15.7 peratus (April 2022: 13.2%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2021 (**Carta 11**). Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (24.9%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.4%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (7.7%).

Di samping itu, eksport Malaysia pada Mei 2022 meningkat 30.5 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya mencecah RM120.5 bilion. Pertumbuhan eksport dirangsang oleh permintaan yang lebih tinggi bagi produk elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum dan minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit. Eksport ke pasaran utama ASEAN, China, USA, European Union (EU) dan Japan mencatatkan pertumbuhan dua digit. Eksport barang perkilangan yang mewakili 83.3 peratus daripada jumlah eksport meningkat 27.3 peratus berjumlah RM100.4 bilion bagi perbandingan tahun ke tahun.

Carta 11: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Mei 2021 - Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada Mei 2022 adalah seramai 2.30 juta orang, bertambah 2.7 peratus berbanding 2.24 juta orang pada Mei 2021 (April 2022: 2.5%). Peningkatan jumlah pekerja terutamanya disokong oleh industri Elektrik & Elektronik (5.2%), Kelengkapan Pengangkutan dan Pembuatan Lain (3.4%) dan Kayu, Perabot, Produk Kertas & Percetakan (2.7%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 5.0 peratus kepada RM7.8 bilion pada Mei 2022 berbanding bulan yang sama tahun 2021 (April 2022: 4.5%). Selain itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 2.3 peratus kepada RM3,391 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 12.7 peratus kepada RM61,847 (Mei 2021: RM54,875).

Sektor Pembuatan dijangka kekal utuh dalam beberapa bulan akan datang, sejajar dengan eksport yang memberangsangkan berikutan pemuliharan global yang berterusan. Namun begitu, beberapa risiko seperti tekanan harga yang meningkat dankekangan bekalan yang berpanjangan boleh menjelaskan permintaan akhir dan prospek pengeluaran.

Perdagangan Borong & Runcit


Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia terus mencatat rekod baharu pada Mei, mengekalkan momentum dari Mac untuk mencapai jualan RM129.8 bilion, meningkat RM21.5 bilion berbanding tahun sebelumnya. Secara amnya, prestasi optimis Perdagangan Borong & Runcit pada bulan tersebut dikaitkan dengan penarikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan semasa tempoh pandemik COVID-19 yang membolehkan sambutan Hari Raya Aidilfitri diraikan dengan meriah.

Prestasi Nilai Jualan

Nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit pada Mei melonjak 19.9 peratus tahun ke tahun untuk mencatatkan RM129.8 bilion, didorong oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat RM13.0 bilion atau 29.9 peratus kepada RM56.3 bilion. Nilai jualan Perdagangan Borong juga berkembang 11.7 peratus atau RM6.3 bilion kepada RM59.6 bilion. Dalam tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor melonjak 20.1 peratus atau RM2.3 bilion untuk merekodkan RM13.9 bilion.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 1.4 peratus, disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Runcit yang bertumbuh 5.1 peratus atau RM2.7 bilion, diikuti Perdagangan Borong yang berkembang 0.9 peratus atau RM0.5 bilion. Sebaliknya, subsektor Kenderaan Bermotor merosot 9.6 peratus.

Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Prestasi Kenderaan Bermotor

Nilai jualan subsektor Kenderaan Bermotor mencatatkan pertumbuhan dua digit pada 20.1 peratus disumbangkan oleh Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor yang meningkat 34.3 peratus atau RM1.0 bilion untuk merekodkan RM3.8 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Kenderaan Bermotor, Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor, dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal masing-masing sebanyak 9.3 peratus, 37.4 peratus dan 23.2 peratus.

PERKHIDMATAN

Walau bagaimanapun, perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini merosot 9.6 peratus diikuti oleh penurunan dua digit dalam Jualan Kenderaan Bermotor (-16.7%), industri ini terus terjejas kerana kekurangan cip, alat ganti dan gangguan logistik di peringkat global.

Carta 12: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, Mei 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Jualan subsektor Perdagangan Runcit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 29.9 peratus pada Mei 2022, disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang meningkat 36.3 peratus atau RM5.5 bilion kepada RM20.7 bilion. Selain itu, kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatat pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan (30.8%), Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan (54.6%), Jualan Runcit Barang An Isi Rumah (23.7%), Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (21.4%), Jualan Runcit Barang Kesenian & Rekreasi (20.1%), Jualan Runcit Peralatan Informasi & Komunikasi (8.0%), Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (27.0%), dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar (24.0%) seperti di **Carta 13**.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 5.1 peratus disumbangkan oleh Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan dan Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan masing-masing meningkat 10.1 peratus dan 5.6 peratus.

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, Mei 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Perdagangan Borong berkembang sebanyak 11.7 peratus yang terutamanya disumbangkan oleh Jualan Borong Barang Iisi Rumah dengan peningkatan 22.1 peratus atau RM2.2 bilion kepada RM11.9 bilion. Antara kumpulan yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong (8.8%), Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (17.7%), Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (7.4%), Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan (10.1%), Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (12.0%), dan Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (3.8%) seperti di **Carta 14**.

Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong meningkat 0.9 peratus. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup dan Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan masing-masing sebanyak 4.0 peratus dan 2.0 peratus.

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, Mei 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Bagi segi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit bagi Mei 2022 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 14.7 peratus. Pengembangan ini disumbangkan oleh Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor yang meningkat masing-masing 24.2 peratus dan 21.5 peratus. Begitu juga, Perdagangan Borong turut mencatatkan pertumbuhan positif 3.1 peratus. Walau bagaimanapun, bagi indeks volum pelarasan musim, menyusut 0.7 peratus bulan ke bulan (**Carta 15**).

Carta 15: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2021 - Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Perdagangan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 3: Nilai Jualan Bagi Negara-Negara Terpilih, Mei 2022 (Tahun ke Tahun)

Singapore	Hong Kong	United Kingdom	Republic of Korea	Indonesia
19.5	-4.9	-4.9	0.7	2.9

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Melihat kepada prestasi indeks perdagangan runcit di negara terpilih yang lain, Singapore, Indonesia dan Republic of Korea mencatatkan pertumbuhan positif pada Mei 2022 seperti di **Jadual 3**. Singapore merekodkan pertumbuhan 19.5 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh asas yang rendah pada Mei 2021 apabila langkah-langkah seperti sekatan perjalanan antarabangsa dilaksanakan. Indonesia dan Republic of Korea juga masing-masing merekodkan peningkatan positif 2.9 peratus dan 0.7 peratus tahun ke tahun.

Sebaliknya, kedua-dua indeks perdagangan runcit United Kingdom dan Hong Kong masing-masing merosot 4.9 peratus pada Mei 2022 berbanding tahun lepas. Kejatuhan jualan runcit di United Kingdom disebabkan pengurangan perbelanjaan pengguna di kedai makanan kesan kenaikan harga makanan dan kos sara hidup yang tinggi.

Prospek Jun 2022

Bagi prestasi Perdagangan Borong & Runcit pada Jun 2022, sektor ini dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif memandangkan aktiviti ekonomi kembali rancak berikutan pemansuhan semua sekatan yang dikenakan semasa pandemik. Pada asas bulanan, sektor ini turut akan mengalami peningkatan dalam jumlah jualan berikutan insentif pengecualian cukai kepada pengguna untuk membeli kenderaan penumpang yang akan tamat tempoh pada akhir Jun 2022 serta dorongan agresif untuk jualan oleh syarikat kereta. Sebaliknya, kenaikan harga makanan dan komoditi dijangka akan melemahkan sentimen perbelanjaan pengguna.


Perdagangan Barang

Sejak Mei 2022, pelbagai prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 telah dilonggarkan termasuk pemakaian pelitup muka hanya di dalam bangunan, penjarakan fizikal dan daftar masuk MySejahtera dimansuhkan, dan pengembara yang lengkap divaksinasi dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah dikecualikan daripada ujian pra-pelepasan dan semasa ketibaan. Kelonggaran SOP telah meningkatkan aktiviti sosial dalam kalangan masyarakat. Seiring dengan itu, jumlah perdagangan Malaysia melonjak 33.6 peratus pada Mei 2022, daripada RM170.9 bilion pada Mei 2021 kepada RM228.4 bilion. Ekspor meningkat 30.5 peratus kepada RM120.5 bilion, manakala import berkembang dengan lebih pantas laju iaitu 37.3 peratus untuk merekodkan nilai tertinggi RM107.9 bilion. Berikutan itu, lebihan dagangan menyusut 8.3 peratus berbanding setahun yang lalu kepada RM12.6 bilion. Berbanding April 2022, ekspor, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing menurun 5.6 peratus, 1.4 peratus dan 46.3 peratus, manakala import meningkat 3.6 peratus.

Kenaikan ekspor didorong terutamanya oleh peningkatan dalam ekspor terutamanya ke Singapore sebanyak RM5.3 bilion, diikuti oleh Hong Kong (+RM2.7 bilion), European Union (EU) (+RM2.3 bilion), Indonesia (+RM1.8 bilion) dan United States of America (USA) (+RM1.6 bilion). Sementara itu, Singapore (+RM5.2 bilion) mendahului kenaikan import diikuti oleh Viet Nam (+RM4.0 bilion), Taiwan (+RM2.6 bilion), China (+RM2.3 bilion) dan USA (+RM2.0 bilion). Perdagangan Malaysia pada Mei 2022 disokong terutamanya oleh China, Singapore, USA dan EU dengan jumlah sumbangan 46.2 peratus (Mei 2021: 48.6%).

Eksport Malaysia menokok 30.5 peratus tahun ke tahun merekodkan RM120.5 bilion daripada RM92.3 bilion pada Mei 2021. Berdasarkan **Carta 16**, kenaikan ini disokong oleh peningkatan berterusan eksport barang Elektrik dan elektronik (E&E) (+RM14.3 bilion, +45.3%), Minyak kelapa sawit & dan hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit (+RM4.7 bilion, +59.5%) dan Gas asli cecair (LNG) (+RM1.8 bilion, +60.6%). Pada masa yang sama, eksport Keluaran petroleum bertapis kembali stabil dengan mencatatkan penambahan RM5.4 bilion (+91.4%). Sementara itu, eksport Sarung tangan getah mengekalkan trend penurunan (-RM3.9 bilion, -70.7%) selama sembilan bulan berturut-turut berikutan penurunan volum yang ketara. Barang E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada Mei 2022 dengan sumbangan agregat 57.9 peratus (Mei 2021: 49.1%).

**Carta 16: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%),
Mei 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SEKTOR LUARAN

Import Malaysia terus melonjak pada Mei 2022, mengatasi prestasi eksport dengan mencatatkan pertumbuhan 37.3 peratus tahun ke tahun kepada RM107.9 bilion daripada RM78.6 bilion seperti yang ditunjukkan oleh kesemua sepuluh produk utama. Peneraju kepada kenaikan ini ialah Barang E&E dan Petroleum mentah dengan peningkatan masing-masing sebanyak RM11.5 bilion (+48.0%) dan RM1.3 bilion (+113.3%) seperti di **Carta 17**. Sementara itu, Keluaran petroleum bertapis kembali stabil (+RM5.0 bilion, +80.8%) setelah mencatatkan penurunan marginal pada bulan sebelumnya. Pada masa yang sama, Emas, bukan bentuk wang turut kembali pulih dengan merekodkan pertumbuhan positif (+RM1.3 bilion, +113.1%) setelah enam bulan berturut-turut mencatatkan kejatuhan. Barang E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Emas, bukan bentuk wang menjadi penyumbang utama kepada import Malaysia pada Mei 2022 dengan sumbangan kumulatif 45.6 peratus (Mei 2021: 40.0%). Dalam pada itu, jumlah dagangan Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan kukuh pada Jun 2022 dengan nilai RM270.4 bilion, seterusnya merekodkan pertumbuhan 43.4 peratus daripada RM188.5 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.


Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import oleh rakan dagangan utama terus menunjukkan peningkatan pada Mei 2022 kecuali eksport Hong Kong seperti di **Carta 18**.

Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), Mei 2022



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Berdasarkan Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi Mei 2022, jumlah dagangan meningkat RM57.5 bilion atau 33.6 peratus kepada RM228.4 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan terutamanya Pulau Pinang yang mana meningkat RM24.0 bilion (+57.5%), diikuti oleh Johor RM10.4 bilion (+29.3%), W.P. Kuala Lumpur RM6.3 bilion (+73.9%), Selangor RM6.1 bilion (+15.1%), Sarawak RM4.2 bilion (+46.7%), Kedah RM2.8 bilion (+36.3%), Sabah RM1.1 bilion (+34.7%), W.P. Labuan RM1.1 bilion (+141.5%), Negeri Sembilan RM1.0 bilion (+22.6%), Pahang RM893.5 juta (+20.9%), Perak RM296.1 juta (+5.3%) dan Perlis RM15.8 juta (+8.5%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan menurun di Melaka RM1.1 bilion (-18.6%), Terengganu RM116.6 juta (-4.9%) dan Kelantan RM33.5 juta (-6.6%).

Jumlah eksport meningkat sebanyak RM28.2 bilion atau 30.5 peratus kepada RM120.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan didorong oleh eksport yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM13.3 bilion), Johor (+RM5.2 bilion), Sarawak (+RM3.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.9 bilion), Selangor (+RM2.2 bilion), W.P. Labuan (+RM1.1 bilion), Kedah (+RM1.1 bilion), Sabah (+RM903.5 juta), Pahang (+RM56.1 juta) dan Perlis (+RM30.1 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Melaka (-RM951.0 juta), Perak (-RM443.8 juta), Terengganu (-RM375.1 juta), Negeri Sembilan (-RM193.9 juta) dan Kelantan (-RM25.0 juta) seperti di **Paparan 2**.

Pada masa yang sama, import juga meningkat RM29.3 bilion (+37.3%) pada Mei 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Negeri yang merekodkan import yang lebih tinggi adalah Pulau Pinang (+RM10.7 bilion), Johor (+RM5.2 bilion), Selangor (+RM3.8 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM3.4 bilion), Kedah (+RM1.8 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.2 bilion), Pahang (+RM837.4 juta), Perak (+RM739.9 juta), Sarawak (+RM573.2 juta), Terengganu (+RM258.5 juta) dan Sabah (+RM215.4 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Melaka (-RM137.0 juta), Perlis (-RM14.3 juta), Kelantan (-RM8.5 juta) dan W.P. Labuan (-RM1.2 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 82.1 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.0 peratus, diikuti oleh Johor (21.0%), Selangor (16.8%), Sarawak (8.8%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.5%). Sementara itu, bagi import, Pulau Pinang menjadi penyumbang utama dengan 26.3 peratus, diikuti oleh Selangor (24.1%), Johor (19.1%), W.P. Kuala Lumpur (8.8%) dan Kedah (5.8%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, Mei 2021 dan Mei 2022



▲▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

SEKTOR LUARAN

Merujuk kepada Global Trade Update oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) yang diterbitkan pada 7 Julai 2022, kenaikan nilai perdagangan dunia pada masa ini dipacu oleh peningkatan harga komoditi di sebalik peningkatan volum perdagangan yang lebih perlakan. Demikian juga, konflik di Ukraine turut mempengaruhi perdagangan antarabangsa, terutamanya melalui peningkatan harga. Pertumbuhan perdagangan global dijangka terus bertambah positif namun pada kadar yang lebih perlakan pada suku tahun kedua 2022. Jumlah perdagangan Malaysia melonjak 43.4 peratus pada Jun 2022, daripada RM188.5 bilion pada Jun 2021 kepada RM270.4 bilion disumbangkan oleh peningkatan import 49.3 peratus kepada RM124.2 bilion dan eksport yang berkembang 38.8 peratus kepada RM146.2 bilion. Rentetan itu, lebihan dagangan menyusut kecil sebanyak 0.8 peratus berbanding setahun yang lalu kepada RM21.9 bilion. Berbanding Mei 2022, kesemua eksport, import, jumlah perdagangan dan lebihan dagangan meningkat dengan masing-masing merekodkan pertumbuhan positif 21.3 peratus, 15.2 peratus, 18.4 peratus dan 72.7 peratus.

Mendepani tekanan inflasi yang semakin meruncing dan subvarian terkini Omicron, ekonomi Malaysia sekali lagi diuji ketidakpastian yang baharu dan mencabar. Walaupun kes harian baharu COVID-19 menunjukkan trend peningkatan, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah memberi jaminan bahawa kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menutup semula sektor ekonomi¹. Sebaliknya, kerajaan menasihati individu yang belum mendapatkan suntikan dos penggalak agar segera berbuat demikian bagi membantu menghadapi varian baharu virus terutama Omicron BA.5 yang lebih mudah berjangkit. Di samping itu, kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menekan peningkatan inflasi baru-baru ini perlu dipantau memandangkan ianya memberi kesan kepada prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa hadapan.

Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.


¹ <https://pmr.penerangan.gov.my/?p=16465>

Senario Buruh

Selaras dengan peralihan ke fasa endemik, kedudukan ekonomi Malaysia bertambah baik, dengan kesemua aktiviti ekonomi termasuk aktiviti yang dilarang beroperasi (*negative list*) oleh Majlis Keselamatan Negara terus beroperasi pada bulan tersebut. Selain itu, situasi COVID-19 kekal terkawal tanpa peningkatan ketara kes baharu setiap hari dan kadar kematian yang rendah dilaporkan. Aktiviti ekonomi yang menggalakkan pada bulan tersebut mendorong permintaan bagi barang dan perkhidmatan yang seterusnya menjana lebih banyak peluang untuk syarikat perniagaan menangani kerugian mereka. Selain itu, pasaran buruh juga dijangka berkembang apabila lebih banyak permintaan dan penawaran buruh wujud dalam pasaran untuk menampung permintaan aktiviti ekonomi yang semakin meningkat. Justeru, kedudukan tenaga buruh pada bulan tersebut kekal kukuh dengan pertumbuhan guna tenaga yang stabil manakala pengangguran terus berkurangan.

Bilangan penduduk bekerja pada Mei 2022 terus meningkat sebanyak 46.5 ribu orang (+0.3%) merekodkan 15.90 juta orang (April 2022: 15.85 juta orang). Begitu juga, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan negara untuk mewujudkan pekerjaan meningkat 0.1 mata peratus kepada 66.8 peratus berbanding 66.7 peratus pada bulan sebelumnya. Bagi perbandingan tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja kekal dalam trend menaik dengan peningkatan sebanyak 3.4 peratus (+529.2 ribu orang) berbanding 15.37 juta orang pada Mei 2021. Sehubungan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat sebanyak 1.4 mata peratus (Mei 2021: 65.4%) seperti di **Carta 19**.

Carta 19: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2018 - Mei 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis lanjut mengikut sektor ekonomi mendapati bahawa sektor Perkhidmatan terus mencatatkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Maklumat & komunikasi; dan Perkhidmatan makanan & minuman. Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja bagi sektor Perlombongan & pengkuarian kekal dalam trend menurun manakala sektor Pertanian, Pembuatan dan Pembinaan terus mengekalkan trend positif.

Mengikut taraf pekerjaan, kategori pekerja yang menyumbang kepada komposisi terbesar penduduk bekerja iaitu 76.2 peratus, telah meningkat sebanyak 0.2 peratus (+20.1 ribu orang) merekodkan 12.11 juta orang berbanding bulan sebelumnya (April 2022: 12.09 juta orang). Sementara itu, penduduk bekerja sendiri juga semakin meningkat dengan pertambahan sebanyak 20.4 ribu orang (0.7%) merekodkan 2.74 juta orang (April 2022: 2.72 juta orang). Kategori ini sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit kecil; penjaja/ penjual di pasar dan gerai; serta pekebun kecil **Carta 20**.

SENARIO BURUH


Carta 20: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, April 2022 dan Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada Mei 2022, kadar pengangguran kekal pada 3.9 peratus sementara bilangan penganggur berkurang sebanyak 1.8 peratus (-11.6 ribu orang) merekodkan 637.7 ribu penganggur. Berbanding Mei 2021, kadar pengangguran turun sebanyak 0.6 mata peratus berbanding 4.5 peratus pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Begitu juga, bilangan penganggur turut berada dalam trend menurun bagi empat belas bulan berturut-turut dengan pengurangan sebanyak 12.4 peratus atau bersamaan dengan 90.4 ribu orang (Mei 2021: 728.1 ribu orang) seperti di **Carta 21**.


Carta 21: Penganggur dan Kadar Pengangguran, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Majoriti (83.7%) penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan yang juga dikenali sebagai penganggur aktif. Dalam kalangan kumpulan ini, lebih daripada separuh (58.6%) menganggur kurang daripada tiga bulan manakala 6.9 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi tempoh setahun. Sementara itu, bilangan kumpulan penganggur yang tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan yang tersedia, terus mencatatkan penurunan sebanyak 2.5 peratus (-2.6 ribu orang) kepada 103.8 ribu orang (April 2022: 106.4 ribu orang) seperti di **Carta 22**.


Carta 22: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, April 2022 dan Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada bulan tersebut, bilangan tenaga buruh mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus (+35.0 ribu orang) kepada 16.54 juta orang (April 2022: 16.50 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sedikit kepada 69.5 peratus (April 2022: 69.4%). Berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh bertambah baik sebanyak 2.7 peratus merekodkan 438.9 ribu orang (Mei 2021: 16.10 juta orang). Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 1.0 mata peratus berbanding 68.5 peratus pada Mei 2021 (**Carta 23**).


Carta 23: Tenaga Buruh dan KPTB, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penduduk luar tenaga buruh pada Mei 2022 kekal dalam trend penurunan bagi sepuluh bulan berturut-turut dengan pengurangan sebanyak 10.1 ribu orang (-0.1%) mencatatkan 7.26 juta orang berbanding 7.27 juta orang pada April 2022. Kerja rumah/tanggungjawab keluarga merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan peratus sumbangan sebanyak 42.2 peratus, dan diikuti oleh kategori bersekolah/latihan dengan 40.0 peratus (**Carta 24**).

Carta 24: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, April 2022 dan Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Krisis kenaikan harga komoditi yang berlaku dalam pasaran, secara tidak langsung memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi Malaysia. Kenaikan harga barang akan membawa kepada inflasi yang akan menjelaskan pemulihian ekonomi negara. Di samping itu, Dasar Sifar COVID yang dilaksanakan oleh China telah menyebabkan kekurangan dan kelewatan pembekalan bahan, lantas menjelaskan pasaran global, terutamanya dalam sektor pembuatan.

Walau bagaimanapun, pengoperasian kesemua sektor ekonomi dan aktiviti sosial dilihat sebagai faktor penyumbang kepada peningkatan permintaan buruh. Selain itu, kemasukan buruh asing ke dalam negara bagi menangani kekurangan tenaga buruh dalam industri tertentu juga diramal sebagai elemen positif dalam memastikan pasaran buruh kekal stabil walaupun ianya akan membawa kepada lebih banyak persaingan dan pasaran buruh yang semakin mencabar. Oleh itu, pasaran buruh dijangka berada dalam momentum pemulihian yang positif dalam beberapa bulan akan datang, namun ini tidak mengambil kira kesan jangka panjang daripada tekanan inflasi di peringkat global.


Indeks Harga Pengguna

Isu kenaikan harga makanan ternakan dan baja berterusan memberi tekanan kepada inflasi makanan terutamanya ayam dan sayur-sayuran. Tambahan pula, peningkatan permintaan ketika musim perayaan pada Mei 2022 terutamanya daripada isi rumah dan sektor utama industri makanan seperti katering dan perhotelan, turut menyumbang kepada peningkatan ini.

Inflasi negara pada Mei 2022 meningkat 2.8 peratus kepada 126.6 berbanding 123.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Semua kumpulan mencatatkan peningkatan kecuali Komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kecenderungan inflasi keseluruhan ini telah didorong terutamanya oleh peningkatan tahun ke tahun dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.2%) pada bulan tersebut, yang merupakan peningkatan tertinggi sejak November 2011.

Selain itu, Pengangkutan meningkat 3.9 peratus diikuti oleh Restoran & Hotel (3.7%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.9%); Pelbagai Barang & Perkhidmatan (1.9%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.8%). Sementara itu, Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain mencatatkan peningkatan 1.2 peratus sementara Pendidikan meningkat 1.0 peratus. Kedua-dua kumpulan Minuman Alkohol & Tembakau dan Kesihatan masing-masing mencatatkan peningkatan marginal 0.4 peratus berbanding Mei 2021 (**Carta 25**).


**Carta 25: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun),
Mei 2021 - Mei 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi Pengangkutan meningkat 3.9 peratus pada Mei 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh pertambahan dalam subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian (5.4%). Namun begitu, penurunan subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan (-9.3%) telah meredakan inflasi kumpulan ini.

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 meningkat sebanyak 63.8 peratus (RM4.26 seliter) berbanding RM2.60 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan harga minyak ini adalah kesan daripada peningkatan harga minyak mentah Brent (65.2% tahun ke tahun) kepada \$AS112.37 setong pada Mei 2022 (**Carta 26**).

Carta 26: Purata Harga Bahan Api, Mei 2021 - Mei 2022


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan isi rumah mencatatkan peningkatan inflasi tertinggi sejak November 2011 iaitu 5.2 peratus pada Mei 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Kumpulan ini menyumbang 29.5 peratus daripada jumlah wajaran IHP. Peningkatan bagi kumpulan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh lonjakan komponen untuk Makanan di Rumah yang meningkat sebanyak 5.5 peratus berbanding 4.1 peratus yang dicatatkan pada April 2022 (**Jadual 4**).

Jadual 4: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), Mei 2022

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) Mei 2022
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	5.2
Makanan	28.4	5.3
Makanan Di Rumah	16.9	5.5
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	3.4
Daging	2.5	9.5
Ikan & Makanan Laut	4.0	4.3
Susu, Keju & Telur	1.5	8.0
Minyak & Lemak	0.6	3.7
Buah-buahan	1.2	2.8
Sayur-sayuran	2.1	8.1
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	2.5
Keluaran Makanan t.t.l.	1.0	4.4
Makanan Di Luar Rumah	11.5	5.1
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	1.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kenaikan berterusan harga komoditi makanan dunia telah memberi kesan langsung kepada input pengeluaran pertanian dan seterusnya boleh dikaitkan dengan kenaikan harga produk makanan. Khususnya, kenaikan harga komoditi makanan seperti kenaikan harga jagung, gandum dan baja dijangka terus memberi tekanan kepada inflasi negara, terutamanya kepada inflasi makanan. Melihat kepada prestasi Jun, kadar inflasi Malaysia yang diukur menggunakan IHP meningkat 3.4 peratus kepada 127.4 berbanding 123.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Pada asas tahun ke tahun, Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barang di pintu kilang meningkat 11.2 peratus pada Mei 2022 berbanding 11.0 peratus direkodkan pada April 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks Perlombongan yang meningkat 20.6 peratus berbanding 18.4 peratus direkodkan pada April 2022. Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan berkembang 16.7 peratus (April 2022: 18.0%) disumbangkan terutamanya oleh kenaikan dalam indeks bagi Penanaman tanaman kekal (21.2%), Perikanan (11.3%) dan Penanaman tanaman tidak kekal (7.8%). Pada Mei 2022, indeks Pembuatan mencatatkan peningkatan dua digit 10.1 peratus buat kali pertama sejak Ogos 2011 (10.6%), dipacu oleh kenaikan dalam indeks subsektor Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (24.5%), Pembuatan produk petroleum bertapis (22.9%) dan Pembuatan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer (13.3%). Sementara itu, indeks Bekalan air meningkat 1.2 peratus, manakala, indeks Bekalan elektrik & gas menurun 0.6 peratus.

Dari segi perbandingan bulan ke bulan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 1.2 peratus berbanding 0.2 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Perlombongan yang mencatatkan kenaikan 4.0 peratus (April 2022: -6.6%) didorong oleh kenaikan pada indeks Minyak mentah (4.3%) dan Gas asli (3.1%). Sementara itu, indeks Pembuatan meningkat 1.0 peratus disokong oleh kenaikan dalam indeks bagi subsektor Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (2.6%), Pembuatan produk petroleum bertapis (1.3%) dan Pembuatan peralatan elektronik pengguna (1.1%). Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan turut meningkat 0.9 peratus (April 2022: -2.9%), dipacu oleh kenaikan dalam indeks Ayam (3.8%) dan Buah tandan segar kelapa sawit (0.8%). Selain itu, indeks sayur-sayuran seperti Kangkung, Timun, Sawi, Kacang panjang dan Kubis bulat turut meningkat. Indeks Bekalan air sedikit meningkat 0.1 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas menurun 0.5 peratus (**Jadual 5**).


Jadual 5: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)						
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan			
			Mei 2022	Mei 2021	April 2022	Mei 2022	Mei 2021	April 2022	Mei 2022	
JUMLAH		100.00	124.1	11.9	11.0	11.2	1.0	0.2	1.2	
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	175.0	60.0	18.0	16.7	2.0	-2.9	0.9	
Perlombongan	B	7.93	105.9	68.5	18.4	20.6	2.1	-6.6	4.0	
Pembuatan	C	81.57	121.8	5.0	9.8	10.1	0.7	1.4	1.0	
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	117.2	0.1	0.6	-0.6	0.7	0.7	-0.5	
Bekalan air	E	0.33	113.9	1.5	1.2	1.2	0.1	0.2	0.1	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 17.3 peratus pada Mei 2022 berbanding 17.1 peratus direkodkan pada April 2022. Kenaikan ini disumbangkan oleh indeks Bahan bukan makanan (19.8%) dan Bahan makanan & makanan untuk binatang (3.8%). Pada masa yang sama, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turut mencatatkan peningkatan lebih tinggi 13.5 peratus pada Mei 2022 (April 2022: 13.1%) didorong oleh kenaikan dalam indeks Bahan api yang diproses & pelincir (18.7%), Bahan & komponen untuk pembuatan (15.0%) dan Bekalan (5.7%). Indeks Barang siap turut mencatatkan peningkatan pada Mei 2022 dengan 1.0 peratus (April 2022: 1.1%), disokong oleh peningkatan dalam indeks Makanan pengguna siap (6.5%) seperti di **Carta 27**.

Carta 27: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Mei 2021 - Mei 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan dua digit dalam IHPR di Malaysia adalah selari dengan kenaikan inflasi di peringkat pengeluar bagi negara terpilih. Inflasi di peringkat pengeluar bagi United Kingdom meningkat 15.7 peratus pada Mei 2022, naik daripada 14.7 peratus dicatatkan pada April 2022. Kenaikan ini didorong oleh harga yang lebih tinggi bagi bahan api dan bahan mentah yang meningkat lebih daripada 22.0 peratus tahun ke tahun. Sementara itu, peningkatan harga gasolin dan produk-produk tenaga menyumbang kepada kenaikan 10.8 peratus bagi inflasi di peringkat pengeluar di USA pada Mei 2022. Situasi yang sama berlaku kepada negara Asia Tenggara seperti Thailand, di mana inflasi di peringkat pengeluar mencatatkan kenaikan 13.3 peratus pada Mei 2022 (April 2022: 12.8%) berikutan peningkatan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan. Walau bagaimanapun, Indeks Harga Pengeluar Jun 2022 merekodkan peningkatan 10.9 peratus berbanding 11.2 peratus yang dicatatkan pada Mei 2022.

Perubahan kepada fasa endemik telah menyediakan jalan keluar yang tepat pada masanya kepada perniagaan dan penduduk untuk menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial dengan prosedur operasi standard yang minimum. Hari Raya Aidilfitri yang disambut pada Mei tahun ini sangat dinanti-nantikan setelah dua tahun perayaan ini disambut dalam suasana pandemik. Sambutan ini membuka peluang kepada perniagaan apabila permintaan terhadap barang meningkat, seperti yang ditunjukkan oleh data Perdagangan borong dan runcit. Demikian juga, permintaan luaran kekal kukuh berikutan permintaan melebihi pengeluaran akibat COVID-19 dan konflik Rusia-Ukraine yang berterusan. Walau bagaimanapun, kenaikan harga makanan dan komoditi yang berterusan mendorong peningkatan kadar inflasi ke tahap baharu, dengan beberapa negara merekodkan inflasi pada kadar dua digit, contohnya Türkiye yang menccah hampir 79 peratus. Sementara itu, Federal Reserve USA menaikkan kadar faedah untuk kali keempat dan diikuti oleh bank pusat lain di seluruh dunia. Petunjuk ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, disokong oleh permintaan domestik dan luaran.

Dari perspektif perdagangan antarabangsa, jumlah perdagangan Malaysia pada Mei melonjak kepada RM228.4 bilion atau meningkat 33.6 peratus daripada Mei 2021 pada RM170.9 bilion, apabila eksport meningkat 30.5 peratus (RM120.5 bilion) dan import melonjak 37.3 peratus (RM107.9 bilion). Lebihan dagangan menyusut sebanyak 8.3 peratus kepada RM12.6 bilion (April 2022: RM23.5 bilion). Pemain utama untuk eksport ialah Barang E&E, Minyak sawit & produk berasaskan minyak sawit dan Produk petroleum bertapis. Sementara itu, import dipacu oleh Barang E&E dan Petroleum mentah. Dalam pada itu, jumlah dagangan Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan kukuh pada Jun 2022 dengan nilai RM270.4 bilion, seterusnya merekodkan pertumbuhan 43.4 peratus daripada RM188.5 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

